

# Tawarkan kursus pengajian belum diterokai — Mahathir

Oleh KHALID NOORSHAH

PULAU PINANG 19 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta institusi pendidikan swasta meneroka bidang pengajian yang tidak ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi kerajaan.

Berucap merasmikan Kolej Antarabangsa di Bukit Jambul di sini pagi ini, Perdana Menteri berkata, harus diingatkan, Wawasan 2020 berusaha untuk membentuk sebuah masyarakat yang berteraskan sains dan teknologi.

“Sehubungan dengan itu, perlunya kita membuat pilihan terhadap kursus-kursus yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi. Sudah terbiasa masa ini kecenderungan untuk menawarkan kursus popular untuk menarik perhatian pelajar.

Pada masa ini, institusi pengajian tinggi tajaan kerajaan sudah boleh membekalkan melebihi daripada keperluan negara, lepasan dalam bidang Sastera, Kemanusiaan dan Sains Kemasyarakatan,” ujarnya.

## Berfaedah

Katanya, adalah berfaedah pusat pengajian tinggi swasta menawarkan bidang yang belum diteroka seperti aeronautik, bahan dan pengunsurannya, teknologi pengeluaran, reka bentuk bantuan komputer, pemesinan dan pembuatan.

“Peruntukan untuk kursus-kursus sedemikian akan membantu bidang industri pendidikan di Malaysia yang hebat saingannya. Di samping itu, ia berkaitan dengan program perindustrian Malaysia,” kata Dr. Mahathir.

Beliau berkata, bagi memenuhi tuntutan pen-

didikan, kerajaan mempunyai cadangan untuk membina lebih banyak universiti, politeknik dan lain-lain institusi latihan kemahiran tetapi ia tidak akan dapat memenuhi matlamat secara bersendirian.

“Maka pendidikan swasta menjadi penting dan boleh melengkapkan usaha kerajaan dan oleh kerana semua sektor adalah berkaitan, kemungkinan pendekatan bersepadu mewakili strategi terbaik untuk menghadapi cabaran tersebut.

“Konsep Persyarikatan Malaysia boleh digunakan di mana kedua-dua sektor swasta dan sektor awam hendaklah bekerjasama untuk memajukan satu sistem pendidikan yang mengambil yang terbaik dari kedua-dua belah pihak. “Oleh itu, amat penting bagi sektor swasta memahami sasaran dan matlamat Kementerian-

■ Lihat muka 2

# Tawarkan kursus pengajian belum diterokai — Mahathir ✓

Pendidikan. Ditak dengan Wawasan dan misi yang sama, kedua-dua sektor boleh bekerjasama ke arah satu tujuan,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, dalam usaha menjadikan negara sebuah pusat pendidikan rantau ini, pelbagai strategi dicadangkan untuk membolehkan Malaysia menawarkan pendidikan bermutu tinggi pada kos yang dikurangkan.

Umpamanya, kata beliau, kajian sedang dibuat untuk membenarkan kampus cawangan universiti terkemuka luar negara disediakan di negara ini begitu juga dengan peraturan visa untuk pelajar supaya ia menjadi lebih mudah.

Menurutnya, sebuah Lembaga Pengiktirafan Kebangsaan sedang ditubuhkan untuk memastikan kelayakan dan kelulusan institusi pengajian tempatan diterima dan mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Perdana Menteri turut memberi amaran kerajaan akan bertindak tegas terhadap kalangan yang membelakangkan mutu untuk mendapatkan keuntungan cepat kerana sikap sedemikian akan merugikan industri pendidikan negara.

Dr. Mahathir berkata, pendidikan juga haruslah menyeluruh supaya seorang yang berkelayakan tahu akan tanggungjawabnya kepada diri sendiri, kepada masyarakat dan juga kepada negara.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menerima sumbangan RM20,000 untuk Tabung Barisan Bertindak Bosnia (BBB) dan RM30,000 untuk Tabung Badan Amal dan Kebajikan Isteri-Isteri Menteri (BAK-TI) dari Pengerusi IJM Corporation Bhd. Datuk Ahmad Azizuddin Zainal Abidin.